

# KPDNHEP sedia data raya sendiri

Bakal miliki maklumat lebih 40,000 jenis barang pengguna tahun depan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@NSTP.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memiliki data raya yang dibangunkan sendiri, mengandungi lebih 40,000 jenis barang pengguna pada tahun depan.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata beberapa pegawai kementerian sedang menjalani latihan sekurang-kurangnya tiga bulan bagi memiliki kemahiran membangunkan data raya mengikut acuan kementerian.

"Dengan data itu, kementerian boleh membuat jangkaan terhadap paten dan potensi turun naik sesuatu barangan mengikut kawasan, daerah, negeri serta mu sim tertentu," katanya.

Bercakap pada sidang media selepas majlis sambutan setahun beliau menerajui kementerian itu, di sini semalam, Saifuddin berkata, maklumat daripada data itu juga akan dijadikan panduan untuk memperkenalkan program dan dasar tertentu berkaitan kepenggunaan pada masa depan.

Sementara itu, beliau berkata,

mekanisme baharu subsidi petroleum bersasar mengambil masa untuk dirangka dan disiapkan kerana perlu memperincikan semua kaedah, terutama keupayaan kewangan kerajaan.

Katanya, semua kaedah diperincikan dalam kertas pelaksanaan mekanisme itu yang dijangka dapat dibentangkan kepada Kabinet, bulan ini sebelum diumumkan kementeriannya sebaik mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

"Antara cadangan komponen mekanisme itu ialah pertama, kenal pasti data akan digunakan dan kedua, implikasi kewangan. Mesti ada duit, jadi kami perlu kira setiap bulan beberapa Kementerian Kewangan banya, kiraan akan ambil kira implikasi kewangan.

"Komponen ketiga ialah strategi komunikasi. Bagaimana kami nak minta bantuan media

**Maklumat daripada data itu juga akan dijadikan panduan untuk memperkenalkan program dan dasar tertentu berkaitan kepenggunaan pada masa depan.**

*Saifuddin Nasution Ismail,  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

untuk menghebahkan sehingga rakyat terima bawa apa yang kerajaan laksanakan ini adalah untuk rakyat.

"Kalau ada (penerima subsidi) tertinggal nama, harap media dapat bantu dan lapor segera kepada sekretariat supaya nama dimasukkan dalam senarai. Begitu juga dengan pemilikan (jenis) kenderaan bagaimana.

"Sebab itu akan ambil sedikit masa, malah saya tidak boleh mendahului Kabinet kerana mungkin ada cadangan yang tak diterima dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, kementerian kini dalam fasa akhir merangka memo kepada Jemaah Menteri bagi pelaksanaan subsidi bersasar RON95 selepas membentangkan kajian mengenainya kepada Kementerian Kewangan pada Rabu lalu.

"Kertas ini akan dibentangkan pada mana-mana minggu mesyuarat Jemaah Menteri bulan ini. Kalau semua berjalan lancar, kita boleh mulakan seberapa segera biarpun (tempoh) lari sedikit daripada jangkaan.

"Dalam pembentangan bajet lalu, kita kata (pelaksanaan mekanisme) adalah pada suku kedua tahun ini, jadi bagi kita sedikit 'masa kecederaan,' " katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menawarkan pengurangan kadär kompaun secara automatik bermula kelmarin untuk memudahkan syarikat menyelesaikan kompaun dalam tempoh ditetapkan.